

TITAH UCAPAN D.Y.M.M. TUANKU PEMANGKU RAJA PERLIS DI MALAM ANUGERAH SERI GEMILANG KUKUM 2004 BERTEMPAT DI DEWAN WARISAN KANGAR, PERLIS PADA 3 APRIL 2005.

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Hadirin sekalian,

2. Pertama sekali, Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Rektor dan seluruh warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia kerana sudi menjemput Saya dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis ke Majlis 'Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2004' pada malam ini. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat bersama-sama dalam majlis yang cukup bermakna ini.

3. Kedua, walaupun KUKUM baru berusia hampir tiga tahun, ia telah memberi impak yang ketara kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri Perlis khususnya dalam sektor pendidikan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, KUKUM adalah standing dengan universiti-universiti lain di negara kita. Dalam usaha anda sekalian untuk memartabatkan sebagai sebuah organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang, anda semua hendaklah bersikap profesional dalam menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawab. Profesional bermaksud menjalankan tugas berlandaskan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang khusus, berkualiti, bertanggungjawab, beretika, bijaksana, bermoral dan berintegriti tinggi serta tidak berpatisan. Ciri-ciri profesional tersebut hendaklah didukung dan amalkan supaya anda semua dihormati oleh bukan sahaja masyarakat tempatan tetapi juga masyarakat antarabangsa.

4. Ketiga, demi mencapai misi dan visi KUKUM yang ditetapkan, semua warga KUKUM hendaklah bertindak atas satu paksi sebagai satu pasukan. Ini bermaksud, bahawa tidak kira pangkat atau jawatan semua perlu bekerjasama kerana ia akan memberi natijah atau hasil yang lebih sempurna dan berkualiti. Oleh itu, Saya menyarankan agar setiap warga KUKUM harus

bertindak ke arah satu matlamat dan wawasan untuk memajukan masyarakat, negeri dan negara melalui pendidikan.

5. Keempat, dalam era dunia tanpa sempadan, organisasi yang dinamik dan berdaya saing akan terus cemerlang dan maju ke hadapan. Dalam konteks ini, warga KUKUM perlu memberi tumpuan kepada parameter yang menjurus kepada kecemerlangan dan keunggulan organisasi. Ia bermaksud usaha anda semua perlu melebihi tahap yang ditetapkan bagi meningkatkan prestasi jabatan masing-masing. Sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan yang berterusan, sentiasa berusaha memperbaiki prestasi kerja, sentiasa peka dan prihatin kepada kehendak pelanggan dan berupaya melakukan pelbagai tugas (multiple tasking) di samping peka kepada persekitaran semasa yang sentiasa berubah. Mengurus perubahan dengan baik akan membuahkan keputusan yang terbaik.

6. Kelima, sebagai penjawat awam, anda diberi amanah dan bertanggungjawab untuk memakmurkan dunia di mana anda berada. Sebagai seorang insan, anda hendaklah bertindak dengan penuh hemah dan wibawa. Setiap warga KUKUM harus mempunyai pekerti mulia serta berkemampuan dalam melaksanakan tugas dengan baik dan bijaksana. Ciri-ciri yang perlu ada ialah sentiasa amanah dan berakhlak, bertimbang rasa, mesra dan saksama, tegas, tepat dan telus dalam membuat keputusan.

7. Keenam, proses pembelajaran tiada permulaan dan penghujungnya. Pembelajaran adalah satu proses yang berterusan. Setiap warga KUKUM perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi kemajuan kerjanya. Anda sekalian perlu sentiasa memaju dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi kemajuan kerjanya. Anda sekalian perlu sentiasa memaju dan meningkatkan kemahiran diri, menggalakkan rakan-rakan lain berusaha memajukan diri, bersedia mempelajari dari pengalaman diri dan orang lain ke arah penambahbaikan.

8. Semua ciri-ciri yang telah Saya sebutkan tadi walau bagaimanapun tidak akan membawa sebarang perubahan sekiranya sikap anda masih di tahap lama. Seperti mana ungkapan dialek utara yang cukup popular iaiti 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu'. Anda sekalian perlu sentiasa

memuhasabah dan memperbaiki diri sendiri. Jika anda sekalian berazam dengan ikhlas untuk memajukan diri sendiri bagi membawa kebahagiaan manusia di dunia mahupun di akhirat, Tuhan akan memberi petunjuk kepada anda, Insyallah.

Hadirin sekalian,

9. Ketujuh, Saya suka memetik ungkapan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed, bekas Perdana Menteri Malaysia bersempena dengan Hari Kualiti. Beliau mengatakan bahawa, **“Civil servants should be sensitive to public criticism and make greatest efforts to improve performance. Even if the criticism seemed unjustified, it is their duty to attend to it immediately so as to improve the government’s overall delivery system”**. Timbang-timbangkan lah kata-kata tersebut.

10. Kelapan, di kesempatan ini Saya suka menyeru agar setiap warga KUKUM memberi perhatian khusus kepada pengetahuan dan kemahiran. Dua elemen ini saling sokong menyokong kepada penghasilan kerja yang baik. Oleh itu, tahap ilmu pengetahuan dan kemahiran, kebolehan menghayati dan melaksanakan dasar, peraturan serta arahan dan kebolehan berkomunikasi perlu diambil kira dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan khususnya kepada rakyat.

11. Kesembilan, sebagai seorang kakitangan kerajaan, aspek kualiti peribadi amatlah penting. Ciri-ciri seorang pemimpin seperti mempunyai wawasan, komitmen, kebolehan membuat keputusan, menggerak dan memberi dorongan kepada rakan lain perlu dimiliki. Kebolehan mengelola, disiplin diri yang tinggi, bersikap proaktif dan inovatif serta mampu menjalin kerjasama yang harmoni dan mesra akan melengkapkan lagi sifat-sifat kakitangan kerajaan yang cemerlang.

12. Kesepuluh, dari perspektif islam, kerja merupakan satu cabang ibadat yang menuntut kita semua melakukannya secara bersungguh-sungguh. Kerja-kerja yang diamanahkan kepada seseorang hendaklah dilakukan dengan teratur, mengikut peraturan, menepati masa dan dengan

komitmen. Setiap pekerja perlu memupuk sikap minat bekerja yang tinggi dalam diri masing-masing di samping bertawakal kepada Tuhan.

13. Sebagai mengakhiri titah ucapan, Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2004 pada malam ini. Saya berharap mereka semua akan meneruskan usaha yang lebih gigih di masa hadapan. Mendapat sesuatu pengiktirafan kadang-kadang kelihatan mudah tetapi untuk mempertahankan pengiktirafan yang diterima secara perpanjangan perlu penghayatan yang berterusan. Saya menyarankan agar semua penerima anugerah terus memberi teladan yang baik, perangsang dan dorongan kepada kakitangan-kakitangan lain untuk melaksanakan usaha dan tugas secara sistematik, teratur dan berkesan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan. Saya juga ucapkan terima kasih kepada dif-dif jemputan yang hadir dan syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis pada malam ini

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.